

# Microsoft License Terms

Terakhir dikemas kini Julai 2015

## TERMA LESEN PERISIAN MICROSOFT

## SISTEM PENGENDALIAN WINDOWS

---

**JIKA ANDA MENETAP DI (ATAU JIKA PREMIS PERNIAGAAN UTAMA ANDA BERADA DI)  
AMERIKA SYARIKAT, SILA BACA FASAL ARBITRASI YANG MENGIKAT DAN PENEPIAN  
TINDAKAN UNDANG-UNDANG BERKUMPULAN DALAM SEKSYEN 10.INI MEMPENGARUHI  
CARA PERTIKAIAN DISELESAIKAN.**

### **Terima kasih kerana memilih Microsoft!**

Bergantung pada cara anda memperoleh perisian Windows, perjanjian lesen ini adalah antara (i) anda dengan pengilang peranti atau pemasang perisian yang mengedarkan perisian dalam peranti anda; atau (ii) anda dan Microsoft Corporation (atau, berdasarkan tempat tinggal anda atau jika perniagaan berdasarkan premis perniagaan utama anda, salah satu sekutunya) jika anda memperoleh perisian daripada penjual. Microsoft ialah pengeluar peranti yang dikeluarkan oleh Microsoft atau salah seorang sekutunya dan Microsoft ialah pengeluar jika anda memperoleh perisian terus daripada Microsoft.

Perjanjian ini menghuraikan hak anda dan syarat yang anda boleh menggunakan perisian Windows. Anda seharusnya menyemak keseluruhan perjanjian, termasuk sebarang terma lesen tambahan yang mengiringi perisian dan sebarang terma yang dipautkan, kerana semua terma ini penting dan bersama-sama mewujudkan perjanjian ini yang berkenaan dengan anda. Anda boleh menyemak terma yang dipautkan dengan menampal pautan (aka.ms/) dalam tetingkap pelayar.

**Dengan menerima perjanjian ini atau menggunakan perisian, anda bersetuju kepada semua terma ini dan mengizinkan penghantaran maklumat tertentu semasa pengaktifan dan semasa penggunaan perisian anda mengikut pernyataan privasi yang diterangkan dalam Seksyen 3. Jika anda tidak menerima dan mematuhi terma ini, anda tidak boleh menggunakan perisian atau ciri-cirinya.** Anda boleh menghubungi pengeluar peranti atau pemasang, atau penjual anda jika anda membeli perisian secara terus, untuk menentukan dasar pemulangannya dan memulangkan perisian atau peranti untuk mendapat pembayaran balik atau kredit di bawah dasar tersebut. Anda hendaklah mematuhi dasar tersebut, yang mungkin memerlukan anda memulangkan perisian ini dengan keseluruhan peranti yang perisian ini telah dipasang untuk mendapat pembayaran balik atau kredit, jika ada.

### **1. Gambaran keseluruhan.**

- a. **Kesesuaian Penggunaan.** Perjanjian ini berkenaan dengan perisian Windows yang diprapasang pada peranti anda atau diperoleh daripada pengeluar dan dipasang oleh anda, media yang anda menerima perisian (jika ada) sebarang fon, ikon, imej atau fail bunyi yang disertakan dengan perisian dan juga sebarang kemas kini, naik taraf, tambahan atau perkhidmatan untuk perisian Microsoft, melainkan terma lain disertakan bersamanya. Ia turut berkenaan dengan aplikasi Windows yang dibangunkan oleh Microsoft yang memberikan fungsi seperti kenalan, muzik, foto dan berita yang disertakan dengan dan menjadi sebahagian daripada Windows. Jika perjanjian ini mengandungi terma berkenaan dengan ciri atau perkhidmatan tidak tersedia pada peranti anda, maka terma tersebut tidak berkenaan.
- b. **Terma tambahan.** Terma Microsoft dan pihak ketiga tambahan mungkin dikenakan pada pengguna ciri, perkhidmatan dan aplikasi tertentu, bergantung pada keupayaan peranti anda, cara ia dikonfigurasikan dan cara anda menggunakaninya. Pastikan anda membaca terma ini.
  - (i) Sesetengah aplikasi Windows menyediakan titik akses, atau bergantung kepada perkhidmatan dalam talian, dan penggunaan perkhidmatan tersebut kadangkala ditadbir oleh terma dan dasar privasi yang berasingan, seperti Perjanjian Perkhidmatan Microsoft di ([aka.ms/msa](#)). Anda boleh melihat terma dan dasar ini dengan melihat syarat penggunaan perkhidmatan atau tetapan aplikasi, jika berkenaan. Perkhidmatan ini mungkin tidak disediakan di semua rantau.
  - (ii) Microsoft, pengilang atau pemasang boleh menyertakan aplikasi tambahan, yang akan tertakluk kepada terma lesen dan dasar privasi berasingan.
  - (iii) Perisian termasuk Adobe Flash Player yang dilesenkan di bawah terma daripada Adobe Systems Incorporated di ([aka.ms/adobeflash](#)). Adobe dan Flash adalah tanda dagang berdaftar atau tanda dagang Adobe Systems Incorporated di Amerika Syarikat dan/atau negara-negara lain.
  - (iv) Perisian mungkin termasuk program pihak ketiga yang dilesenkan kepada anda di bawah perjanjian ini atau di bawah terma mereka sendiri. Terma lesen, notis dan perakuan, jika ada, untuk program pihak ketiga boleh dilihat di ([aka.ms/thirdpartynotices](#)).
  - (v) Setakat yang disertakan dengan Windows, Word, Excel, PowerPoint dan OneNote adalah dilesenkan untuk penggunaan peribadi, bukan komersil anda, melainkan anda mempunyai hak penggunaan komersil di bawah perjanjian berasingan.

## 2. Hak Pemasangan dan Penggunaan.

- a. **Lesen.** Perisian adalah dilesenkan, bukan dijual. Di bawah perjanjian lesen ini, kami memberi hak kepada anda untuk memasang dan menjalankan satu tika perisian pada peranti anda (peranti berlesen), untuk digunakan oleh seorang sahaja pada satu masa,

asalkan anda mematuhi semua terma perjanjian ini Mengemas kini atau menaik taraf daripada perisian bukan asli dengan perisian daripada Microsoft atau sumber yang dibenarkan tidak menjadikan versi asal anda atau versi yang ditingkatkan/dinaik taraf sebagai asli, dan dalam situasi tersebut, anda tiada lesen untuk menggunakan perisian.

- b. Peranti.** Dalam perjanjian ini "peranti" bermaksud sistem perkakasan (sama ada fizikal atau maya) dengan peranti simpanan dalaman yang berupaya menjalankan perisian. Petak perkakasan atau blade dianggap sebagai peranti.
- c. Pengehadan.** Pengeluar atau pemasang Microsoft mengekalkan semua hak (seperti hak di bawah undang-undang harta intelektual) yang tidak diberikan secara nyata dalam perjanjian ini. Contohnya, lesen ini tidak memberikan anda sebarang hak untuk dan anda tidak boleh:
- (i) menggunakan atau memayakan ciri perisian secara berasingan;
  - (ii) menerbitkan, menyalin (selain daripada salinan sandaran yang dibenarkan), menyewa, memajak atau meminjam perisian;
  - (iii) memindahkan perisian (kecuali seperti yang dibenarkan oleh perjanjian ini);
  - (iv) mengatasi sebarang pengehadan atau pembatasan teknikal dalam perisian;
  - (v) menggunakan perisian sebagai perisian pelayan, untuk pengehosan komersil, menyediakan perisian ini untuk penggunaan berbilang pengguna secara serentak melalui rangkaian, memasang perisian pada pelayan dan membenarkan pengguna mengaksesnya dari jauh atau memasang perisian pada peranti untuk digunakan oleh pengguna jauh sahaja;
  - (vi) melakukan pembalikan kejuruteraan, menyahkompilasi atau membongkar perisian atau cuba melakukan sedemikian, kecuali dan hanya setakat yang dibenarkan oleh keadaan sebelumnya oleh undang-undang yang diguna pakai atau oleh terma pelesenan yang mentadbir penggunaan komponen sumber terbuka, yang mungkin disertakan dengan perisian; dan
  - (vii) apabila menggunakan ciri berkaitan Internet, anda tidak boleh menggunakan ciri-ciri ini dalam apa jua cara yang boleh mengganggu dengan penggunaan perkara ini oleh orang lain, atau cuba mendapatkan akses atau menggunakan sebarang perkhidmatan, data, akaun atau rangkaian dalam cara yang tidak dibenarkan.
- d. Scenario berbilang penggunaan.**
- (i) **Berbilang versi.** Jika semasa memperoleh perisian anda diberikan berbilang versi (seperti versi 32-bit dan 64-bit), anda hanya boleh memasang dan mengaktifkan salah satu daripada versi ini pada satu masa.

- (ii) **Sambungan berbilang atau gugusan.** Perkakasan atau perisian yang anda guna untuk sambungan multipleks atau kumpul atau mengurangkan bilangan peranti atau pengguna yang mengakses atau menggunakan perisian, tidak mengurangkan bilangan lesen yang anda perlu. Anda hanya boleh menggunakan perkakasan atau perisian berkenaan jika anda mempunyai lesen untuk setiap salinan perisian yang anda guna.
- (iii) **Sambungan peranti.** Anda boleh membenarkan sehingga 20 peranti lain mengakses perisian yang dipasang pada peranti yang dilesenkan bagi tujuan menggunakan ciri-ciri perisian berikut: perkhidmatan fail, perkhidmatan cetakan, perkhidmatan maklumat Internet dan perkongsian sambungan Internet dan perkhidmatan telefoni pada peranti berlesen. Anda boleh membenarkan sebarang bilangan peranti untuk mengakses perisian ini pada peranti yang dilesenkan untuk menyegerak data antara peranti. Walau bagaimanapun, seksyen ini tidak bermaksud bahawa anda berhak untuk memasang perisian ini, atau menggunakan fungsi utama perisian (selain daripada ciri yang disenaraikan dalam seksyen ini) atau mana-mana peranti lain ini.
- (iv) **Penggunaan dalam persekitaran maya.** Lesen ini membolehkan anda memasang hanya satu salinan perisian ini untuk digunakan pada satu peranti sahaja, tidak kira sama ada peranti tersebut adalah komputer fizikal atau maya. Jika anda mahu menggunakan perisian ini pada lebih daripada satu peranti maya, anda hendaklah memperoleh lesen yang berasingan bagi setiap salinan.
- (v) **Akses jauh.** Tidak lebih daripada sekali setiap 90 hari, anda boleh menetapkan seorang pengguna yang menggunakan peranti berlesen secara fizikal sebagai pengguna berlesen. Pengguna berlesen boleh mengakses peranti yang dilesenkan daripada peranti lain menggunakan teknologi akses jauh. Pengguna lain, pada masa-masa berlainan, boleh mengakses peranti berlesen daripada peranti lain menggunakan teknologi akses jauh, namun pada peranti berasingan yang dilesenkan untuk dijalankan pada perisian yang sama atau lebih tinggi perisian ini sahaja.
- (vi) **Bantuan jauh.** Anda boleh menggunakan teknologi bantuan jauh untuk berkongsi sesi aktif tanpa memperoleh sebarang lesen untuk perisian ini. Bantuan jauh membolehkan seorang pengguna untuk bersambung secara terus ke komputer pengguna lain, biasanya untuk membentulkan masalah.
- e. **Salinan sandaran.** Anda boleh membuat satu salinan perisian ini untuk tujuan sandaran, dan boleh menggunakan salinan sandaran untuk memindahkan perisian jika diperlukan sebagai perisian tunggal, seperti yang diterangkan dalam Seksyen 4 di bawah.
3. **Privasi; Keizinan kepada Penggunaan Data.** Privasi anda penting kepada kami. Beberapa ciri perisian menghantar atau menerima maklumat apabila menggunakan ciri tersebut.

Kebanyakan ciri ini boleh dimatikan dalam antara muka pengguna atau anda boleh memilih untuk tidak menggunakannya. Dengan menerima perjanjian ini dan menggunakan perisian, anda bersetuju bahawa Microsoft mungkin mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan maklumat seperti yang diterangkan dalam Pernyataan Privasi Microsoft (aka.ms/privacy) dan seperti yang diterangkan dalam antara muka yang berkaitan dengan ciri-ciri perisian.

**4. Pemindahan.** Peruntukan seksyen ini tidak berkenaan jika anda mendapatkan perisian sebagai pengguna di Jerman atau di mana-mana negara yang disenaraikan di tapak ini (aka.ms/transfer), dalam keadaan sebarang pemindahan perisian kepada pihak ketiga dan hak penggunaannya mesti mematuhi undang-undang berkenaan.

- a. **Perisian yang diprapasang pada peranti.** Jika anda memperoleh perisian yang diprapasang pada peranti (dan juga jika anda menaik taraf daripada perisian yang diprapasang pada peranti), anda boleh memindahkan lesen untuk menggunakan perisian terus kepada pengguna lain, hanya dengan peranti yang dilesenkan. Pemindahan ini hendaklah merangkumi perisian, jika disediakan dengan peranti, label Windows tulen termasuk kunci produk. Sebelum sebarang pemindahan yang dibenarkan, pihak yang lagi satu mesti bersetuju bahawa perjanjian ini diguna pakai untuk pemindahan dan penggunaan perisian tersebut.
- b. **Perisian kendiri.** Jika anda telah memperoleh perisian sebagai perisian kendiri (dan juga jika anda menaik taraf daripada perisian yang anda peroleh sebagai perisian kendiri), anda boleh memindahkan perisian ke peranti lain milik anda. Anda juga boleh memindahkan perisian pada peranti yang dimiliki orang lain jika (i) anda pengguna lesen pertama perisian dan (ii) pengguna baru bersetuju kepada terma perjanjian ini. Anda boleh menggunakan salinan sandaran yang kami benarkan anda buat atau media pada mana perisian disediakan untuk memindahkan perisian. Setiap kali anda memindahkan perisian ke peranti baru, anda mesti mengalih keluar perisian dari peranti sebelumnya. Anda tidak boleh memindahkan perisian untuk berkongsi lesen antara peranti.

**5. Perisian Disahkan dan Pengaktifan.** Anda dibenarkan untuk menggunakan perisian ini hanya jika anda dilesenkan dengan betul dan perisian diaktifkan dengan sempurna menggunakan kunci produk atau melalui cara lain yang dibenarkan. Apabila anda disambungkan ke Internet semasa menggunakan perisian ini, perisian ini akan menghubungi Microsoft atau sekutunya secara automatik untuk mengesahkan bahawa perisian itu tulen dan lesennya berhubung kait dengan peranti yang dilesenkan. Anda juga boleh mengaktifkan perisian secara manual melalui Internet atau telefon. Dalam mana-mana kes, penghantaran maklumat tertentu akan berlaku dan perkhidmatan Internet, telefon dan SMS mungkin dikenakan. Semasa pengaktifan (atau pengaktifan semula yang mungkin dicetuskan oleh perubahan pada komponen peranti anda) perisian mungkin menentukan sama ada tika perisian yang dipasang adalah perisian cetak rompak, tidak dilesenkan dengan betul, atau mempunyai perubahan yang tidak diizinkan. Jika pengaktifan gagal, perisian akan cuba membaikinya sendiri dengan menggantikan sebarang perisian Microsoft yang diusik menggunakan perisian asli Microsoft. Anda mungkin menerima peringatan untuk

mendapatkan salinan perisian yang sah. Anda tidak boleh melangkau atau memintasi pengaktifan. Untuk membantu menentukan sama ada perisian anda asli dan sama ada anda dilesenkan dengan betul untuk menggunakan, lihat (aka.ms/genuine). Kemas kini, sokongan dan perkhidmatan tertentu lain hanya boleh ditawarkan kepada pengguna perisian Microsoft tulen sahaja.

6. **Kemas kini.** Perisian menyemak untuk kemas kini sistem dan aplikasi dari semasa ke semasa dan memuat turun serta memasangnya untuk anda. Anda hanya boleh mendapatkan kemas kini ini daripada Microsoft atau sumber yang dibenarkan dan Microsoft mungkin perlu mengemas kini sistem anda bagi menyediakan anda kemas kini tersebut. Dengan menerima perjanjian ini, anda bersetuju untuk menerima jenis kemas kini automatik seperti ini tanpa sebarang notis tambahan.
7. **Hak Turun Taraf.** Jika anda memperoleh peranti daripada pengeluar atau pemasang dengan versi Profesional Windows diprapasang padanya, anda boleh sama ada menggunakan versi Windows 8.1 Pro atau Windows 7 Professional, namun hanya selagi Microsoft memberikan sokongan untuk versi terdahulu seperti yang ditetapkan dalam (aka.ms/windowslifecycle). Perjanjian ini diguna pakai untuk penggunaan versi terdahulu oleh anda. Jika versi terdahulu merangkumi komponen yang berbeza, mana-mana terma untuk komponen tersebut di dalam perjanjian ini yang disertakan dalam versi terdahulu diguna pakai bagi penggunaan komponen tersebut oleh anda. Pengilang atau pemasang, ataupun Microsoft tidak mempunyai kewajipan untuk membekalkan versi lebih awal kepada anda. Anda mesti memperoleh versi lebih awal secara berasingan, untuk yang mana anda mungkin dikenakan caj. Anda boleh menggantikan versi perisian yang terdahulu dengan versi yang anda peroleh pada asalnya.
8. **Sekatan Geografi dan Eksport.** Jika perisian anda disekat untuk penggunaan di wilayah geografi yang tertentu, maka anda hanya dibenarkan untuk mengaktifkan perisian ini di dalam wilayah tersebut sahaja. Anda juga mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan eksport domestik dan antarabangsa yang diguna pakai untuk perisian tersebut, termasuk pembatasan ke atas destinasi, pengguna akhir dan penggunaan akhir. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sekatan geografi dan eksport, lawati (aka.ms/georestrict) dan (aka.ms/exporting).
9. **Prosedur Sokongan dan Pembayaran Balik.**
  - a. **Untuk perisian yang diprapasang pada peranti.** Untuk perisian umumnya, hubungi pengeluar peranti atau pemasangan untuk opsyen sokongan. Rujuk kepada nombor sokongan yang disediakan bersama-sama perisian ini. Untuk kemas kini dan tambahan yang diperoleh terus daripada Microsoft, Microsoft mungkin memberikan perkhidmatan sokongan terhad bagi perisian yang dilesen dengan sewajarnya seperti yang diterangkan di (aka.ms/mssupport). Jika anda mahu mendapatkan pembayaran balik, hubungi pengilang atau pemasang untuk menentukan dasar pembayaran baliknya. Anda hendaklah mematuhi dasar ini, yang mungkin memerlukan anda memulangkan perisian ini dengan keseluruhan peranti yang perisian ini telah dipasang untuk mendapat pembayaran balik.

**b. Untuk perisian yang diperoleh daripada pengeluar.** Microsoft menyediakan perkhidmatan sokongan terhad untuk perisian yang dilesenkan dengan betul seperti yang diterangkan di ([aka.ms/mssupport](http://aka.ms/mssupport)). Jika anda membeli perisian daripada peruncit dan ingin mendapatkan bayaran balik dan anda tidak boleh mendapatkannya di tempat anda membeli perisian, hubungi Microsoft untuk maklumat tentang dasar bayaran balik Microsoft. Lihat ([aka.ms/msoffices](http://aka.ms/msoffices)) atau di Amerika Utara, hubungi (800) MICROSOFT atau lihat ([aka.ms/nareturns](http://aka.ms/nareturns)).

**10. Arbitrasi Mengikat dan Penepian Tindakan Undang-Undang Berkumpulan Jika Anda Menetap di (atau jika Perniagaan, Premis Perniagaan Utama anda berada) di Amerika Syarikat.**

Kami berharap kita tidak menghadapi pertikaian, namun, jika berlaku, anda bersetuju dan kami bersetuju untuk cuba menyelesaikannya secara tidak formal. Jika tidak boleh, anda dan kami bersetuju untuk **arbitrasi individu mengikat dengan American Arbitration Association (“AAA”) di bawah Federal Arbitration Act (“FAA”) dan untuk tidak menyaman di mahkamah di hadapan hakim atau juri.** Sebaliknya, penimbang tara yang neutral akan memutuskan dan keputusan penimbang tara adalah muktamad kecuali bagi hak terhad untuk merayu di bawah FAA. **Tindakan undang-undang berkumpulan, arbitrasi seluruh kelas, tindakan ketua peguam persendirian dan sebarang prosiding lain yang seseorang bertindak kapasiti wakil adalah tidak dibenarkan. Mengabungkan prosiding individu tanpa keizinan semua pihak juga tidak dibenarkan.** “Kami,” “milik kami” dan “kita” termasuk Microsoft, pengeluar peranti dan pemasang perisian.

- a. Pertikaian yang diliputi—segala-galanya kecuali IP.** Istilah “pertikaian” adalah seluas yang boleh. Ia termasuk sebarang tuntutan atau kontroversi antara anda dan pengeluar atau pemasang atau anda dan Microsoft, yang melibatkan perisian, harganya atau perjanjian ini, di bawah sebarang teori undang-undang termasuk kontrak, waranti, tort, statut atau peraturan, **kecuali pertikaian yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau kesahihan hak harta intelektual anda, pelesen anda, kami, atau pelesen kami.**
- b. PoskanNotis Pertikaian terlebih dahulu.** Jika anda mempunyai pertikaian dan wakil khidmat pelanggan kami tidak dapat menyelesaikannya, hantarkan Notis Pertikaian melalui Pos A.S. kepada pengeluar atau pemasang, ATTN: LEGAL DEPARTMENT. Jika pertikaian anda ialah dengan Microsoft, poskannya kepada Microsoft Corporation, ATTN: LCA ARBITRATION, One Microsoft Way, Redmond, WA 98052-6399. Beritahu kami nama, alamat anda, cara untuk menghubungi anda, masalah yang dipertikaian dan perkara yang anda mahukan. Borang tersedia di ([aka.ms/disputeform](http://aka.ms/disputeform)). Kami akan melakukan perkara yang sama jika kami mempunyai pertikaian dengan anda. Selepas 60 hari, anda atau kami boleh memulakan arbitras jika pertikaian tidak diselesaikan.
- c. Pilihan mahkamah tuntutan kecil.** Daripada mengepos Notis Pertikaian dan jika anda memenuhi keperluan mahkamah, anda boleh menyaman kami di mahkamah tuntutan kecil di daerah tempat anda tinggal (atau jika perniagaan, tempat premis utama perniagaan anda) atau tempat utama perniagaan kami—King County, Washington USA jika pertikaian anda ialah dengan Microsoft. Kami berharap anda akan mengepos Notis

Pertikaian dan memberikan kami 60 hari untuk cuba menyelesaikannya, namun anda tidak perlu berbuat demikian sebelum pergi ke mahkamah pertikaian kecil.

- d. **Prosedur penimbangtaraan.** AAA akan menjalankan sebarang penimbangtaraan di bawah Peraturan Arbitrasi Komersil (atau jika anda seorang individu dan menggunakan perisian ini untuk kegunaan peribadi atau isi rumah, atau jika nilai pertikaian adalah USD \$75,000 atau kurang, tidak kira sama ada anda seorang individu atau bagaimana anda menggunakan perisian ini, Peraturan Arbitrasi Pengguna). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat (aka.ms/adr) atau hubungi 1-800-778-7879. Untuk memulakan arbitrasi, hantarkan borang yang tersedia di (aka.ms/arbitration) kepada AAA; hantar salinan kepada pengeluar atau pemasang (atau kepada Microsoft jika pertikaian anda ialah dengan Microsoft). Dalam pertikaian yang melibatkan USD \$25,000 atau kurang, apa-apa perbicaraan akan melalui telefon kecuali penimbang tara mendapati sebab yang baik untuk mengadakan perbicaraan secara peribadi. Sebarang pendengaran kes akan berlangsung di daerah tempat tinggal anda (atau jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda) atau tempat utama perniagaan kami—King County, Washington, jika pertikaian anda adalah dengan Microsoft. Anda boleh memilih. Penimbang tara boleh menganugerahkan ganti rugi yang sama kepada anda secara individu seperti yang boleh dilakukan oleh mahkamah. Penimbang tara boleh memberi relief perisyntihar atau injunktif hanya kepada anda sebagai individu untuk memenuhi tuntutan individu anda.

e. **Fi dan bayaran penimbangtaraan.**

- (i) **Pertikaian yang melibatkan USD \$75,000 atau kurang.** Pengilang atau pemasang (atau Microsoft jika pertikaian anda ialah dengan Microsoft) akan membayar balik fi dan perbelanjaan pemfailan anda dan membayar fi penimbang tara AAA dengan segera. Jika anda menolak tawaran penyelesaian bertulis terakhir kami yang dibuat sebelum penimbang tara dilantik, pertikaian anda akan berlangsung sehingga kepada keputusan penimbangtaraan (dipanggil “award”) dan penimbang tara menganugerahkan kepada anda lebih daripada tawaran bertulis terakhir ini, pengeluar atau pemasang (atau Microsoft jika pertikaian anda ialah dengan Microsoft) akan: (1) bayar anugerah atau USD \$1,000, mengikut mana yang lebih tinggi; (2) bayar fi peguam anda yang wajar, jika ada; dan (3) membayar balik sebarang perbelanjaan (termasuk fi dan kos saksi pakar) yang diakui oleh peguam anda secara munasabah untuk menyiasat, menyediakan dan berusaha untuk mendapatkan tuntutan ini dalam penimbangtaraan. Penimbang tara akan menentukan amaun ini melainkan anda dan kami bersetuju dengannya.
- (ii) **Pertikaian yang melibatkan lebih daripada USD \$75,000.** Peraturan AAA akan mentadbir pembayaran fi dan perbelanjaan pemfailan dan fi dan perbelanjaan penimbang tara dan AAA.
- (iii) **Pertikaian yang melibatkan sebarang amaun.** Jika anda memulakan penimbangtaraan, kami tidak akan berusaha mendapatkan fi dan perbelanjaan AAA atau penimbang taranya, atau fi pemfailan anda, melainkan penimbang tara

mendapati penimbangtaraan berkenaan remeh dan menyusahkan untuk tujuan yang tidak wajar. Jika kami memulakan penimbangtaraan, kami akan membayar semua fi dan perbelanjaan pemfailan, AAA, dan penimbang tara. Kami tidak akan cuba mendapatkan fi atau perbelanjaan peguam daripada anda dalam apa-apa penimbangtaraan. Fi dan perbelanjaan tidak dikira dalam menentukan setakat mana pertikaian melibatkan.

- f. **Mesti difailkan dalam masa setahun.** Anda dan kami mesti memfailkan dalam mahkamah tuntutan kecil atau arbitrasi, sebarang tuntutan atau pertikaian (kecuali pertikaian harta intelektual — lihat Seksyen 10.a) dalam masa setahun dari masa ia boleh difaikan buat pertama kali. Sebaliknya, ia dihalang secara kekal.
  - g. **Kebolehasingan.** Jika penepian tindakan berkumpulan dalam Seksyen B.5 didapati melanggar undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan bagi semua atau bahagian tertentu sesuatu pertikaian tidak akan diarbitrasikan namun akan diteruskan di mahkamah, dengan prosiding selebihnya dalam arbitrasi. Jika mana-mana peruntukan Seksyen 10 lain didapati menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan, maka peruntukan tersebut akan dipotong dengan Seksyen 10 yang selebihnya kekal berkuat kuasa.
  - h. **Konflik dengan peraturan AAA.** Perjanjian ini mentadbir jika ia berkonflik dengan Peraturan Arbitrasi Komersil AAA atau Peraturan Arbitrasi Pengguna.
  - i. **Microsoft sebagai pihak atau benefisiari pihak ketiga.** Jika Microsoft ialah pengeluar peranti atau jika anda memperoleh perisian daripada penjual, Microsoft ialah salah satu pihak dalam perjanjian ini. Sebaliknya, Microsoft, bukan satu pihak tetapi adalah benefisiari pihak ketiga bagi perjanjian anda dengan pengilang atau pemasang untuk menyelesaikan pertikaian ini melalui rundingan tidak formal dan penimbangtaraan.
11. **Undang-undang Mentadbir.** Undang-undang negeri atau negara yang anda menetap (atau, jika perniagaan, tempat utama perniagaan anda) mentadbir semua tuntutan dan pertikaian berkenaan dengan perisian (termasuk harganya) atau perjanjian ini, termasuk tuntutan pelanggaran kontrak dan tuntutan di bawah undang-undang perlindungan pengguna negara, undang-undang persaingan tidak adil, undang-undang waranti tersirat untuk pengayaan tidak adil dan dalam tort, tidak kira prinsip konflik undang-undang kecuali FAA mentadbir semua peruntukan yang berkenaan dengan arbitrasi.
  12. **Hak Pengguna, Variasi Serantau.** Perjanjian ini menjelaskan hak-hak sah tertentu. Anda mungkin mempunyai hak lain, termasuk hak pengguna, di bawah undang-undang negeri atau negara anda. Anda juga mungkin mempunyai hak berkenaan pihak yang anda peroleh perisian tersebut. Perjanjian ini tidak mengubah hak-hak lain tersebut jika undang-undang negeri atau negara anda tidak membenarkannya. Contohnya, jika anda memperoleh perisian di salah satu rantau di bawah atau undang-undang negara mandatori dikenakan, maka peruntukan berikut digunakan pada anda:

- a. **Australia.** Rujukan kepada "Waranti Terhad" adalah rujukan kepada waranti nyata yang diberi oleh Microsoft atau pengeluar atau pemasang. Waranti ini diberi sebagai tambahan kepada hak dan remedai lain yang anda mungkin ada di bawah undang-undang, termasuk hak dan remedai anda menurut jaminan statutori di bawah Undang-undang Pengguna Australia.

Dalam seksyen ini, "barang" merujuk kepada perisian yang Microsoft atau pengeluar atau pemasang memberikan waranti nyata. Barang kami didatangkan dengan jaminan yang tidak boleh dikecualikan di bawah Undang-undang Pengguna Australia. Anda berhak untuk mendapat ganti atau pembayaran balik bagi kegagalan besar dan pampasan untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang boleh diramal secara munasabah. Anda juga berhak untuk barang anda dibaiki atau digantikan jika barang ini gagal mencapai kualiti boleh diterima dan kegagalan tidak disifatkan sebagai kegagalan besar.

- b. **Kanada.** Anda mungkin berhenti menerima kemas kini pada peranti anda dengan menyahaktifkan akses Internet. Jika dan apabila anda bersambung semula ke Internet, perisian akan meneruskan semakan dan memasang kemas kini.
- c. **Kesatuan Eropah.** Pengehadan penggunaan akademik dalam Seksyen 13.d(i) di bawah tidak berkenaan di bidang kuasa yang disenaraikan di tapak ini: ([aka.ms/academicuse](http://aka.ms/academicuse)).

d. **Jerman dan Austria.**

- (i) **Waranti.** Perisian lesen yang betul akan berfungsi sebahagian besarnya sama seperti yang dijelaskan dalam bahan-bahan Microsoft yang disertakan bersama perisian tersebut. Walau bagaimanapun, pengeluar atau pemasang dan Microsoft tidak memberikan jaminan kontrak berhubungan dengan perisian berlesen.
- (ii) **Batasan Liabiliti.** Jika berlaku tindakan sengaja, kecuaian, tuntutan berdasarkan Akta Liabiliti Produk, serta, dalam kes kematian atau kecederaan peribadi atau fizikal, pengeluar atau pemasang atau Microsoft bertanggungjawab menurut undang-undang statutori.

Tertakluk kepada kenyataan di atas, pengeluar atau pemasang atau Microsoft hanya akan bertanggungjawab untuk kecuaian kecil jika pengeluar atau pemasang atau Microsoft melanggar kewajipan kontrak material sedemikian, pemenuhan yang akan memudahkan pelaksanaan perjanjian ini, pelanggaran yang akan membahayakan tujuan perjanjian ini dan pematuhan dengan pihak yang boleh mempercayai secara tetap (yang dipanggil "kewajipan kardinal"). Dalam kes kecuaian kecil lain, pengeluar atau pemasang atau Microsoft tidak akan bertanggungjawab untuk kecuaian kecil.

- e. **Rantau lain.** Lihat ([aka.ms/variations](http://aka.ms/variations)) untuk senarai variasi serantau terbaru.

### **13. Notis Tambahan.**

**a. Rangkaian, data dan penggunaan Internet.** Beberapa ciri perisian dan perkhidmatan yang diakses menerusi perisian mungkin memerlukan peranti anda mengakses Internet. Akses dan penggunaan anda (termasuk caj) mungkin tertakluk kepada terma perjanjian pembekal selular atau internet anda. Ciri-ciri tertentu perisian mungkin membantu anda mengakses Internet dengan lebih berkesan, namun pengiraan penggunaan perisian mungkin berbeza daripada ukuran pembekal khidmat anda. Anda bertanggungjawab pada setiap masa untuk (i) memahami dan mematuhi terma pelan dan perjanjian anda sendiri, dan (ii) sebarang isu yang timbul daripada menggunakan atau mengakses rangkaian, termasuk rangkaian awam/terbuka. Anda boleh menggunakan perisian untuk bersambung ke rangkaian dan berkongsi maklumat akses mengenai rangkaian tersebut, hanya jika anda mempunyai keizinan berbuat demikian.

**b. Standard visual H.264/AVC dan MPEG-4 dan standard video VC-1.** Perisian mungkin termasuk teknologi penyahkodan H.264/MPEG-4 AVC dan/atau VC-1. MPEG LA, L.L.C. memerlukan notis ini:

PRODUK INI DILESENKENAN DI BAWAH LESEN PORTFOLIO PATEN AVC, VC-1 DAN MPEG-4 PART 2 UNTUK PENGGUNAAN PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIL OLEH PENGGUNA BAGI (i) MENGEKOD VIDEO YANG MEMATUHI STANDARD DI ATAS ("STANDARD VIDEO") DAN/ATAU (ii) MENYAHKOD VIDEO AVC, VC-1 DAN MPEG-4 PART 2 YANG TELAH DIKODKAN OLEH PENGGUNA YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI PERIBADI DAN BUKAN KOMERSIL DAN/ATAU DIPEROLEH DARIPADA PEMBEKAL VIDEO YANG DILESENKENAN UNTUK MEMBEKALKAN VIDEO SEDEMIKIAN. TIADA LESEN DIBERIKAN ATAU BOLEH DIANGGAP SEBAGAI DIBERIKAN UNTUK SEBARANG PENGGUNAAN LAIN. MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIPEROLEH DARIPADA MPEG LA, L.L.C. LIHAT (AKA.MS/MPEGLA).

**c. Perlindungan terhadap Perisian Hasad.** Microsoft prihatin mengenai melindungi peranti anda daripada perisian hasad. Perisian akan mengaktifkan perlindungan perisian hasad jika perlindungan lain tidak dipasang atau telah tamat tempoh. Untuk melakukan sedemikian, perisian anti perisian hasad lain akan dinyahdayakan atau mungkin telah dialih keluar.

**d. Versi hakterhad.** Jika versi perisian yang anda peroleh ditandakan atau sebaliknya bertujuan untuk penggunaan khusus atau terhad, maka anda boleh menggunakaninya seperti yang ditentukan. Anda tidak boleh menggunakan versi perisian tersebut untuk aktiviti komersial, tidak bersifat keuntungan atau yang menjana pendapatan.

- (i) **Akademik.** Untuk penggunaan akademik, anda mestilah pelajar, fakulti atau kakitangan institusi pendidikan pada masa pembelian.
- (ii) **Pengesahan.** Untuk penggunaan penilaian (atau ujian atau demonstrasi), anda tidak boleh menjual perisian, menggunakaninya dalam persekitaran operasi secara

langsung atau menggunakannya selepas tempoh penilaian. Tidak mengambil kira perkara yang bertentangan dengan Perjanjian ini, perisian penilaian disediakan "SEPERTI SEDIA ADA".

- (iii) **NFR.** Anda tidak boleh menjual perisian yang ditandakan sebagai "NFR" (Not For Resale) atau "Bukan untuk Dijual Semula".

**14. Keseluruhan Perjanjian.** Perjanjian ini (bersama-sama dengan sebarang terma lesen bercetak atau terma lain yang disertakan dengan apa-apa tambahan, kemas kini dan perkhidmatan yang disediakan oleh pengilang atau pemasang, atau Microsoft), dan terma yang terkandung dalam pautan web yang disenaraikan dalam perjanjian ini adalah keseluruhan perjanjian bagi perisian ini dan sebarang tambahan, kemas kini, dan perkhidmatan (kecuali pengilang atau pemasang, atau Microsoft menyediakan terma lain dengan tambahan, kemas kini atau perkhidmatan tersebut). Anda boleh menyemak perjanjian ini selepas perisian anda berjalan dengan pergi ke ([aka.ms/useterms](http://aka.ms/useterms)) atau pergi ke Tetapan - Sistem - Perihal dalam perisian. Anda juga boleh menyemak terma ini di mana-mana pautan dalam perjanjian ini setelah perisian anda berjalan dengan menaip URL ke dalam bar alamat pelayar dan anda bersetuju untuk melakukannya. Anda bersetuju bahawa anda akan membaca terma sebelum menggunakan perisian atau perkhidmatna, termasuk sebarang terma berpautan. Anda bersetuju bahawa dengan menggunakan perisian dan perkhidmatan, anda meratifikasi perjanjian ini dan terma yang dipautkan. Terdapat juga pautan maklumat dalam perjanjian ini. Pautan yang mengandungi notis dan terma yang mengikat ialah:

- Pernyataan Privasi Windows 10 ([aka.ms/privacy](http://aka.ms/privacy))
- Perjanjian Perkhidmatan Microsoft ([aka.ms/msa](http://aka.ms/msa))
- Terma Lesen Adobe Flash Player ([aka.ms/adobeflash](http://aka.ms/adobeflash))

\*\*\*\*\*

### **TIADA WARANTI**

PERISIAN PADA PERANTI ANDA (TERMASUK APLIKASI) DILESENKEN SEPERTI "SEDIA ADA." SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA, ANDA MENANGGUNG KESELURUHAN RISIKO BERKENaan DENGAN KUALITI DAN PRESTASI PERISIAN. JIKA PERISIAN TERBUKTI ROSAK, ANDA MENANGGUNG KESELURUHAN KOS SEMUA PERKHIDMATAN ATAU PEMBAIKAN. SAMA ADA PENGETAHUAN PERANTI ATAUPUN MICROSOFT TIDAK AKAN MEMBERIKAN SEBARANG WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT NYATA UNTUK PERISIAN. SETAKAT YANG DIBENARKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SETEMPAT ANDA, PENGETAHUAN DAN MICROSOFT MENGEJUALIKAN SEMUA WARANTI ATAU SYARAT TERSIRAT, TERMASUK JAMINAN ATAU SYARAT TERSIRAT KEBOLEHDAGANGAN, KUALITI, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN TANPA PENCEROBOHAN. ANDA MUNGKIN MEMPUNYAI HAK-

HAK PENGGUNA TAMBAHAN ATAU JAMINAN BERKANUN DI BAWAH UNDANG-UNDANG TEMPATAN BAWAH TERMA INI TIDAK BOLEH BERUBAH.

JIKA UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA MENGENAKAN WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT WALAUPUN TIDAK DILAKUKAN OLEH PERJANJIANINI, TERMANYA TERHAD KEPADA 90 HARI MULAI HARI PENGGUNA PERTAMA MEMPEROLEH PERISIAN. JIKA PENGELUAR ATAU MICROSOFT MELANGGAR WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT SEDEMIKIAN, SATU-SATUNYA REMEDI ANDA IALAH, ATAS PILIHAN PENGELUAR ATAU MICROSOFT, SAMA ADA (I) MEMBAIKI ATAU MENGGANTIKAN PERISIAN DENGAN PERCUMA, ATAU (II) MEMULANGKAN PERISIAN (ATAU ATAS PILIHANNYA, PERANTI YANG PERISIAN TERSEBUT DIPASANG) UNTUK MENDAPATKAN BAYARAN BALIK JUMLAH YANG DIBAYAR, JIKA ADA. INI SAHAJA REMEDI ANDA UNTUK PELANGGARAN WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT YANG DIKENAKAN UNDANG-UNDANG SETEMPAT ANDA.

SETAKAT YANG TIDAK DILARANG OLEH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA, JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG BUKTI UNTUK MENDAPATKAN GANTI RUGI, ANDA BOLEH MENDAPATKAN DARIPADA PENGELUAR ATAU MICROSOFT, GANTI RUGI LANGSUNG SAHAJA SEHINGGA AMAUN YANG ANDA BAYAR UNTUK PERISIAN (ATAU SEHINGGA USD \$50 JIKA ANDA MEMPEROLEH PERISIAN SECARA PERCUMA). ANDA TIDAK AKAN, DAN MENGETEPIKAN SEBARANG HAK UNTUK BERUSAHA MENDAPATKAN SEBARANG GANTI RUGI ATAU REMEDI LAIN, TERMASUK KERUGIAN DAN SEBARANG PAMPASAN LANJUTAN, ISTIMEWA ATAU TIDAK LANGSUNG, DI BAWAH SEBARANG BAHAGIAN PERJANJIANINI ATAU DI BAWAH SEBARANG TEORI. PENGEHADANINI DIKENAKAN PADA (I) SEBARANG PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN PERJANJIANINI, PERISIAN (TERMASUK APLIKASI), PERANTI, PERKHIDMATAN, KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN DATA, KEGAGALAN MENGHANTAR ATAU MENERIMA DATA, KANDUNGAN (TERMASUK KOD) DI TAPAK INTERNET PIHAK KETIGA ATAU PROGRAM PIHAK KETIGA, DAN (II) TUNTUTAN UNTUK PELANGGARAN KONTRAK, WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT; LIABILITI KETAT, KECUAIAN ATAU TORT LAIN; PELANGGARAN STATUT ATAU KAWAL SELIA; PENGKAYAAN TIDAK ADIL; ATAU DI BAWAH SEBARANG TEORI LAIN.

PENGECUALIAN DAN PENGEHADAN GANTI RUGI SERTA REMEDI DALAM PERJANJIANINI BERKENAAN WALAUPUN ANDA TIADA REMEDI (PERISIAN DILESENKEN "SEPRTI SEDIA ADA"), JIKA PEMBAIKAN, PENGGANTIAN ATAU PEMBAYARAN BALIK (JIKA DIPERLUKAN OLEH UNDANG-UNDANG TEMPATAN ANDA) TIDAK MEMBERIKAN ANDA PAMPASAN SEPENUHNYA UNTUK SEBARANG KERUGIAN JIKA PENGELUAR ATAU MICROSOFT, MENGETAHUI ATAU PATUT MENGETAHUI TENTANG KEMUNGKINAN BERLAKUNYA GANTI RUGI TERSEBUT ATAU JIKA REMEDI GAGAL ATAS TUJUAN ASASNYA.

Semak dengan pengeluar peranti anda untuk menentukan sama ada peranti anda diliputi oleh waranti.